

Roslinda, Robbani terima anugerah Masum

Bantu kontinjen negara juarai Sukan Universiti Asean


JAGUH lompat bergalah wanita kebangsaan, Roslinda Samsu dan atlit lompat pagar negara, Robbani Hasan dinobatkan sebagai Olahragawati dan Olahragawan Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (Masum) yang berlangsung di Kuantan malam tadi.

Kejayaan itu turut membolehkan Roslinda dan Robbani, kedua-duanya penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), masing-masing menerima hadiah wang tunai RM3,000.

Seorang lagi atlit kebangsaan dari UPM, jaguh memanah, Cheng Chu Sian turut menerima penghargaan apabila diberi Anugerah Khas Masum bersama hadiah wang tunai RM1,000.

Ketiga-tiga atlit kebangsaan itu memainkan peranan penting buat kontinjen negara yang muncul juara keseluruhan di Sukan Universiti Asean (SUA 2008) Disember lalu, dengan memenangi 90 pingat emas, 78 perak dan 47 gangsa.

Sementara itu, pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Ahmad Zhaffri Zamil dan pelajar dari



ROBBANI bantu kontinjen negara menjuarai Sukan Universiti Asean 2009.

Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nurhidayah Abdul Latip Ghani, masing-masing menerima anugerah Bintang Harapan kategori lelaki dan wanita berserta hadiah wang tunai RM1,000.

Skuad ragbi yang beraksi cemerlang di SUA 2008 dipilih menerima

Anugerah Pasukan Lelaki Terbaik, manakala pasukan bola jaring dianugerahkan sebagai Pasukan Wanita Terbaik.

Pemain bagi kedua-dua pasukan itu turut menerima hadiah wang tunai berjumlah RM300 setiap seorang.